

## Kajian Penerimaan Mobile Learning Dalam P&P

Nur Wahidah Ismail<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup>Department of Information and Communication Technology, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, 23000  
Dungun, Terengganu.

\*Corresponding author E-mail: nur.wahidah@psmza.edu.my

### Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk menyelesaikan serta mengatasi masalah pembelajaran yang dihadapi oleh para pelajar di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, khususnya Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana penerimaan dan penggunaan Mobile learning dapat membantu pelajar untuk belajar dalam suasana yang lebih seronok dan tidak membosankan. Tinjauan dilakukan dengan menggunakan kaedah pemerhatian kepada proses dan kejadian yang berlaku serta mengedarkan borang soal selidik. Hasil daripada kajian, majoritinya bersetuju bahawa mobile learning mampu menyelesaikan serta memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran di kalangan pelajar dan pensyarah. Kajian ini melibatkan seramai 80 orang responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar semester 5 Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi yang dipilih secara rawak dari 5 program. Dapatan kajian menunjukkan kepelbagaian gaya pembelajaran dan tahap kemahiran belajar memberi kesan yang berbeza terhadap tabiat dan kesungguhan pembelajaran akademik pelajar. Di samping itu, dikemukakan juga cadangan kajian untuk meningkatkan lagi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

**Kata Kunci:** mobile learning; teknologi maklumat; komunikasi; gaya pembelajaran

### 1.0 PENGENALAN

Perkembangan teknologi hari ini sangat menggalakkan. Berdasarkan laporan yang dibuat oleh Dunia pada tahun 2010, yang dikeluarkan oleh Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa mendapati kira-kira 90% populasi dunia boleh mengakses maklumat melalui rangkaian mudah alih. (Quinn, 2012). Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi dengan laju dan meluas memberi kesan kepada semua aspek kehidupan tidak terkecuali di dalam bidang pendidikan (Norhafiza Jamaluddin, 2014). Selari dengan perkembangan ini, ia telah mengubah cara manusia belajar (Naismith et. al, 2004). Proses pembelajaran kini berlangsung dengan melampaui ruang fizikal bilik kuliah (Kukulka-Hulme & Taxer, 2005), bersifat globalisasi dan sepanjang hayat (Sharples, 2000 & Cheng & Townsend, 2000). Penggunaan *Mobile Learning* terbahagi kepada dua kategori iaitu pembelajaran dengan menggunakan alat elektronik mudah alih secara *online* dan secara *stand alone*.

Dalam konteks kajian ini *Mobile Learning* boleh ditakrifkan sebagai penggunaan sebarang peranti mudah alih yang direka bentuk untuk membolehkan maklumat diakses daripada mana-mana lokasi dan pada setiap masa. Pembelajaran tidak hanya berkaitan dengan penambahan pengetahuan dan mengingatkan semula maklumat yang dipelajari tetapi merupakan aktiviti menguasai konsep dan memahami maklumat pengetahuan dan seterusnya

dapat mengaplikasikannya ke dalam kehidupan (Hargreaves, 1996).Walaubagaimanapun, kemungkinan wujudnya pelajar yang berhadapan dengan konflik belajar apabila tidak memiliki gaya pembelajaran yang sesuai. Masalah berlaku apabila gaya pembelajaran pelajar tidak dapat disesuaikan dengan aktiviti dan gaya pengajaran pensyarah.Akibatnya pelajar menjadi bosan dan tidak menumpukan perhatian,menyebabkan mereka gagal mendapat markah tinggi dalam peperiksaan, kurang berminat pada subjek tertentu dan seterusnya berputus asa. (Baharin Abu, 2000; Felder & Silverman, 1988; Godleski, 1984; Oxford et al., 1991; Smith & Renzulli, 1984).

Di Malaysia, *Mobile Learning* atau *M-Learning* boleh dikatakan masih baru dari segi implementasinya. Dengan adanya peralatan berteknologi, kita berpeluang merubah bentuk kaedah pembelajaran untuk mencipta komuniti pembelajaran yang luas.Di samping itu, teknologi juga dapat menghubungkan manusia pada masa nyata ataupun dunia maya untuk menyediakan kepakaran yang diperlukan dan seterusnya menyokong pembelajaran sepanjang hayat (Sharples, 2007). Pensyarah yang mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar dan menyesuaikan dengan pengajaran akan menyumbang kepada pembelajaran yang lebih berkesan (Claxton & Murell, 1987). Selain itu, kemampuan pensyarah mengikut gaya pembelajaran pelajar akan mendorong kepada pencapaian akademik yang cemerlang oleh pelajar (Dunn, 1990).

Pembelajaran secara *M-Learning* telah terbukti keberkesanannya di negara luar dan kini telah mula memperkenalkan di Malaysia di mana terdapat beberapa institusi pengajian tinggi telah mengintegrasikan teknologi ini dalam kurikulum pengajaran mereka. Perkongsian nota di antara pelajar telah dimudahkan dengan adanya alatan mudah alih seperti Tablet dan PDA di kalangan pelajar.Ini kerana pelajar tidak perlu lagi duduk di hadapan komputer peribadi untuk memuat turun nota kerana ianya boleh dilakukan di mana sahaja dan pada bila-bila masa.

## **2.0 TINJAUAN LITERATUR**

Dalam kajian yang dijalankan oleh Robinson dan Kakela (2006) terhadap pelajar alam sekitar di Michigan State University, mendapati pelajar selesa belajar sesama mereka dalam suasana bersosial dan pemikiran kritikal mereka meningkat dalam memahami serta menyelesaikan masalah. Koory (2003) mendapati bahawa sesetengah pelajar lebih berjaya bila menggunakan bahan atas talian(on-line). Dari pemerhatian yang dilakukan, pelajar lebih memberi tumpuan, berdikari, task-oriented dan berminat dalam penyelesaian masalah menerusi medium atas talian. Wickersham dan Dooly (2006)mendapati bahawa pelajar yang belajar atau berbincang dalam kumpulan kecil akan mempunyai tahap pemikiran kritikal yang lebih baik berbanding kumpulan besar.

Pendekatan pembelajaran berasaskan web (WWW) mempunyai kelebihan dalam mengekalkan minat dan persembahan pengajaran tanpa memikirkan platform yang

digunakan oleh pelajar (Brusilovsky, 1998). Kajian yang dijalankan oleh Tallent-Runnels et al.(2006) menyatakan kekunci utama dalam pembelajaran atas talian adalah memberi peluang kepada pelajar berinteraksi sesama mereka. Garrison dan Cleveland-Innes (2005) menambah bahawa pemikiran kritikal meningkat melalui pembelajaran atas talian dengan teknik refleksi dan kolaborasi. Peningkatan Kualiti pula bermaksud penambahan reputasi atau dikaitkan dengan piawai yang boleh diterima umum, memenuhi dan menepati selera pengguna atau pelanggan pada keadaan yang dikatakan lebih berkualiti, tahap terbaik yang boleh dicapai, menepati spesifikasi iaitu konsep yang relatif mengikut masa dan keadaan peningkatan di sepanjang masa.

Salah satu cadangan yang dirasakan berkesan kearah meningkatkan kualiti dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) ialah dengan mendirikan satu sistem atas talian yang mana dapat dicapai oleh pelajar dan pensyarah secara mudah. Aplikasi *Mobile Learning* amat bertepatan dengan konsep pembelajaran berpusatkan pelajar. Felderman dan Silverman (1998) dalam teorinya, menyatakan bahawa gaya pembelajaran pelajar adalah berbeza antara satu sama lain. Jika pensyarah atau pengajar tidak menyesuaikan pengajaran dengan gaya pembelajaran pelajar akan menimbulkan implikasi ketidakselesaan dan kurangnya perhatian oleh pelajar semasa mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran dan boleh menyebabkan pelajar tertinggal dalam pelajaran

### 3.0 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian juga boleh digunakan untuk memastikan objektif kajian dapat dicapai berdasarkan data sah dan dipercayai (Mohd Najib Abdul Ghaffar, 1999). Perkara-perkara yang akan dibincangkan dalam bab ini terdiri daripada kaedah menjalankan kajian, kaedah pengumpulan data dan penganalisan data. Bab ini terdiri daripada rekabentuk kajian, populasi, instrumen kajian dan kesimpulan. Dalam kajian ini metodologi yang digunakan adalah kaedah pemerhatian dan pengedaran borang soal selidik kepada responden. Tujuannya adalah untuk mendapatkan maklumbalas serta pendapat di kalangan pensyarah dan pelajar berkenaan situasi, cara, kaedah, tempat dan sebagainya berkenaan dengan proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan sebelum ini berbanding dengan pembelajaran berkonsepkan *Mobile Learning*. Menurut Mohd. Majid (1990) kaedah atau metodologi dalam sesuatu kajian merujuk kepada cara yang paling berkesan bagi mendapatkan maklumat yang berguna dengan kos yang minima demi mencapai sesuatu matlamat penyelidikan. Maka pengkaji seharusnya membuat kajian berdasarkan metodologi yang sesuai, agar kajian yang dijalankan tersebut berkesan. Apabila pengkaji menggunakan metodologi yang berkesan, maka kita akan dapat keputusan kajian yang jelas, tepat, sah dan kebolehpercayaan yang tinggi terhadap sesuatu kajian. (Pakas Rao, 2004)

### 3.1 Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian adalah kaedah bagi membolehkan maklumat diperolehi untuk menjawab masalah kajian yang dibina. Rekabentuk kajian adalah sebagai keseluruhan rangkakerja penyelidikan bagi menjawab dan mencapai objektif kajian. Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian dan soal selidik untuk mendapat maklumat dan data yang diperlukan. Penggunaan kedua-dua kaedah merupakan cara yang menjimatkan masa untuk mengumpul data dalam jangka masa singkat (Robiah Sidin & Nor Sakinah Mohamad, 2007). Data yang dikumpul dan hasil kajian ini dapat memberi maklumat untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan.

### 3.2 Populasi Dan Responden Kajian

Sampel kajian adalah mewakili populasi yang digunakan dalam kajian. Untuk menentukan saiz sample yang diperlukan, penyelidik telah merujuk kepada Jadual Morgan dan Krejcie (1970). Memandangkan angaran populasi adalah 172, maka sebanyak 80 responden dipilih untuk menjawab soal selidik. Populasi kajian ini tertumpu kepada pelajar di Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi. Taburan bilangan pelajar mengikut kelas adalah seperti dalam Jadual.

**Jadual 3.1** Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Program Pengajian.

PROGRAM	BILANGAN RESPONDEN	PERATUS
DIP5S1	16	20
DIP5S2	16	20
DIP5S3	16	20
DIP5S4	16	20
DIP5S5	16	20
JUMLAH	80	100

### 3.3 Instrumen Kajian

Instrumen pemerhatian dan soalselidik digunakan untuk mendapatkan data. Kaedah pemerhatian berstruktur dilaksanakan di dalam bilik kuliah semasa pembelajaran sedang berlangsung. Manakala borang soal selidik telah diedarkan selepas pembelajaran berakhir.

#### 3.3.1 Pemerhatian

Kaedah pemerhatian merupakan satu kaedah penyelidikan yang digunapakai untuk mengukur pembolehubah penyelidikan. Apabila menggunakan kaedah ini, penyelidik atau pemerhati perlu memerhati sampel-sampelnya dalam tempoh masa yang tertentu. Menurut Kerlinger (1973), terdapat beberapa kategori pemerhatian iaitu kategori tingkah laku, unit

tingkah laku, paras tafsiran pemerhati, generalisasi dan penggunaan serta pensampelan tingkah laku.

Kaedah pemerhatian dibuat melalui refleksi dan situasi semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung di bilik kuliah. Pemerhatian juga dilakukan terhadap perubahan-perubahan tingkah laku pensyarah, mendengar rungutan dan komen pensyarah, reaksi dan gerak balas mereka terhadap sesuatu tindakan.

### **3.3.2 Soal selidik**

Set soal selidik merupakan alat yang mengumpul data. Oleh itu, bagi satu-satu kajian, satu soal selidik yang sama hendaklah digunakan untuk semua responden bertujuan bagi memastikan keseragaman bagi membolehkan pemprosesan data melalui komputer di mana setiap soalan dikemukakan mengikut urutan yang sama (Ahmad Mahdzan Ayob, 2005: 59).

Set soal selidik kajian ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D. Bahagian A mengandungi item-item yang berkaitan dengan latar belakang responden seperti jantina, umur, kaum dan bidang pendidikan. Responden perlu mengisi maklumat yang dikehendaki pada ruang yang disediakan. Bahagian B adalah berkaitan Pengetahuan Tentang Mobile Learning, Bahagian C adalah berkaitan Jumlah Penggunaan Peralatan Komputer/Mudah Alih manakala Bahagian D adalah berkaitan Kebolehcapaian Maklumat.

## **4.0 DAPATAN KAJIAN**

Data yang diperolehi melalui kaedah pemerhatian dan soalselidik dari responden dikumpul dan dianalisis dengan menggunakan program Ms Excell. Peratusan pengetahuan tentang *Mobile Learning* adalah seimbang di kalangan pelajar. Ini menunjukkan bahawa mereka adalah golongan yang peka dengan kecanggihan dunia IT sekaligus merangsang mereka untuk menjadikan proses pengajaran & pembelajaran berasaskan teknologi terkini.

### **4.1 Pemerhatian berstruktur**

Kaedah pemerhatian ini dilaksanakan di dalam bilik kuliah semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Setiap *sample* yang dipilih, dinilai berdasarkan item-item menggunakan borang pemerhatian berstruktur. Antara item yang dinilai ialah kadar penggunaan (kekerapan dlm kelas), capaian internet (laju/kurang laju), tempoh penggunaan (> 40 minit), persepsi pelajar (gembira/stress) dan gadget terkini (ada/tiada).

**Jadual 4.1:** Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut item pemerhatian berstruktur.

BIL	ITEM	BILANGAN	PERATUS
1	KADAR PENGGUNAAN(KEKERAPAN DLM KELAS)	80	100
2	CAPAIAN INTERNET(LAJU)	66	83
3	TEMPOH PENGGUNAAN( > 40 MINIT)	72	90
4	PERSEPSI PELAJAR(GEMBIRA )	73	91
5	GADGET TERKINI	80	100

Jadual 4.1 di atas menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut item yang dinilai. Terdapat seramai 80 orang pelajar yang terlibat dalam kaedah pemerhatian ini. Dari jumlah ini menunjukkan kadar penggunaan (kekerapan dlm kelas) mencapai bacaan 100%.Ini menunjukkan semua responden menerima dengan baik penggunaan *Mobile Learning* di dalam bilik kuliah. Capaian internet juga tidak menjadi satu masalah besar utk melaksanakan *Mobile Learning*.Ini kerana hampir 83% responden mempunyai capaian internet yg baik.Hanya sebilangan kecil sahaja yang mempunyai masalah capaian internet.Sepanjang proses pemerhatian,didapati majoriti responden menghabiskan masa > 40 minit menggunakan komputer atau peralatan mudah alih di dalam bilik kuliah.Ini menunjukkan sebilangan besar responden mempunyai persepsi yang baik terhadap pembelajaran berkonsepkan *Mobile Learning*.Analisis data menunjukkan 91% reponden gembira dan bersemangat sepanjang P&P.Pemerhatian mendapati kesemua responden yg dinilai mempunyai gadget terkini seiring dengan perkembangan teknologi.Ini menunjukkan perlaksanaan *Mobile Learning* boleh dilaksanakan secara menyeluruh di semua jabatan di PSMZA.Kesimpulan daripada proses pemerhatian ini,di dapati semua item yg dinilai mempunyai kaitan antara satu sama lain untuk mencapai tahap keberkesanan dalam pelaksanaan *Mobile Learning*.

## 4.2 Soal selidik

Borang soal selidik telah diedar kepada responden yang dipilih secara rawak.Seramai 80 orang responden telah menjawab setiap item yang dinilai di dalam borang soal selidik tersebut.Terdapat 4 bahagian iaitu Bahagian A : DemoRajahi Responden ,Bahagian B : Pengetahuan Tentang *Mobile Learning* , Bahagian C : Jumlah Penggunaan Peralatan Komputer/Mudah Alih dan Bahagian D : Kebolehcapaian Maklumat.

### 4.2.2 Analisis Faktor DemoRajahi

Kaedah kekerapan dan peratusan digunakan untuk menganalisis latar belakang responden. Analisis data latarbelakang kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.2 hingga 4.4.

**Jadual 4.2:** Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina

JANTINA	BILANGAN	PERATUS
LELAKI	35	44
PEREMPUAN	45	56
JUMLAH	80	100

Jadual 4.2 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina. Jumlah bilangan responden adalah 80 orang. Dari jumlah ini seramai 35 orang (44%) adalah lelaki manakala 45 orang (56%) adalah perempuan. Jumlah bilangan pelajar perempuan lebih ramai sebagai responden adalah kerana bidang Teknologi Maklumat di monopoli oleh golongan perempuan.

**Jadual 4.3:** Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut umur

UMUR	BILANGAN	PERATUS
20-21 tahun	68	85
22-23 tahun	8	10
JUMLAH	76	95
Tidak menjawab	4	5
JUMLAH KESELURUHAN	80	100


Jadual 4.3 di atas menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut umur. Terdapat seramai 80 orang pelajar yang terlibat dalam kajian ini. Dari jumlah ini seramai 76 orang menulis umur mereka, manakala 4 orang pelajar tidak memberitahu umur mereka. Seramai 68 orang (85%) berumur antara 20 hingga 21 tahun, 8 orang (10%) berumur 22 hingga 23 tahun dan selebihnya seramai 4 orang (5%) tidak menentukan umur mereka. Perbezaan umur ini disebabkan terdapat berbagai jenis program saluran kemasukan dan tahun pengajian pelajar.

**Jadual 4.4:** Analisis Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Etnik


BANGSA	BILANGAN	PERATUS
Melayu	76	95
Cina	0	0
India	4	5
JUMLAH	80	100

Jadual 4.4 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut kaum dan etnik. Sebilangan besar daripada responden adalah golongan bumiputera. Majoritinya seramai 76 orang (95%) berketurunan Melayu dan diikuti India 4 orang (5%). Kaum bumiputera lainnya tidak terdapat di kawasan kajian.


### 4.2.3 Analisis Dapatan Kajian Bahagian B: Pengetahuan Tentang Mobile Learning



Rajah 4.1: Pernahkah anda dengar mengenai *Mobile Learning*




Rajah 4.2: Berapa banyak yang anda tahu tentang *Mobile Learning*




Rajah 4.3: Dari mana anda mendapat maklumat tentang *Mobile Learning*





**Rajah 4.3:** Pada pendapat anda, adakah anda fikir *Mobile Learning* ini penting




**Rajah 4.4:** Item Kepentingan *Mobile Learning*


Rajah 4.1 - 4.4 adalah analisis data yang diperolehi daripada soal selidik Bahagian B: Pengetahuan Tentang *Mobile Learning*. Rajah 4.1 menunjukkan hampir 81 % dari responden pernah mendengar mengenai *Mobile Learning*. Manakala Rajah 4.2 menunjukkan sebanyak 70% responden yg mempunyai pengetahuan sedia ada tentang *Mobile Learning*. Rajah 4.3 pula menunjukkan taburan sumber mendapat maklumat oleh responden tentang *Mobile Learning*. Terdapat pelbagai sumber seperti akhbar, majalah, tv, laman rangkaian sosial dan laman web. Namun begitu, majoriti dari responden mendapat maklumat tentang *Mobile Learning* dari laman rangkaian sosial dengan mencatat 38% dari jumlah keseluruhan. Rajah 4.4 adalah analisis menggunakan *Likert Scale*. Responden menjawab soalan berkaitan Kepentingan *Mobile Learning* menggunakan 4 aras ukuran iaitu Sangat Tidak Setuju, Tidak Setuju, Neutral, Setuju Dan Sangat Setuju. Analisis daripada Rajah yang diperolehi mendapati, sebilangan besar responden memilih aras ukuran Sangat Setuju untuk soalan yang ditanya iaitu mencapai peratusan 79%. Secara keseluruhannya, analisis Bahagian B : Pengetahuan Tentang *Mobile Learning* mendapati sebilangan responden mengetahui tentang gaya P&P berkonsepkan *Mobile Learning*. Kecanggihan medium saluran maklumat mendedahkan mereka kepada info-info tentang *Mobile Learning*. Implementasi *Mobile Learning* dalam pembelajaran mereka sepanjang kajian dilaksanakan telah memberi keseronokan dan suasana kelas yang tidak membosankan. Dari situ kita dapat lihat sebilangan

besar responden memilih aras ukuran setuju tentang kepentingan penggunaan *Mobile Learning* dalam bilik kuliah.


### 4.2.3 Analisis Dapatan Kajian BAHAGIAN C: Jumlah Penggunaan Peralatan Komputer/Gadget Mudah Alih



**Rajah 4.5:** Kadar Penggunaan Komputer




**Rajah 4.6:** Kadar Penggunaan Gadget



**Rajah 4.7:** Penggunaan Komputer/Gadget Sehari

Rajah 4.5 – 4.7 adalah analisis data yang diperolehi daripada soal selidik Bahagian C: Jumlah Penggunaan Peralatan Komputer/Gadget Mudah Alih. Daripada dapatan analisis, Rajah 4.5 menunjukkan 42% daripada responden telah menggunakan komputer secara serius utk tempoh 2-3 tahun, 38% untuk 1-2 tahun, 16% untuk 3-4 tahun dan 5% untuk penggunaan melebihi 4 tahun. Kajian ini menunjukkan kebanyakan responden mula menggunakan komputer secara menyeluruh setelah mengikuti Diploma Teknologi Maklumat di PSMZA. Komputer merupakan peralatan penting sepanjang 3 tahun diploma. Rajah 4.6 pula menunjukkan kadar penggunaan gadget di kalangan responden. Sebilangan besar pelajar pada alaf ini telah mampu memiliki gadget/telefon mudah alih yang canggih dan menarik. Sebanyak 50 % daripada responden telah memiliki dan menggunakan gadget/telefon mudah alih untuk tempoh 3 hingga 4 tahun. Ini menunjukkan mereka telah didedahkan dengan kecanggihan teknologi sejak awal lagi. Rajah 4.7 menunjukkan penggunaan komputer/gadget sehari. Analisis kajian menunjukkan sekurang-kurangnya 2-3 jam sehari pelajar menghabiskan masa untuk menggunakan komputer/gadget dalam sehari. Namun begitu majoriti pelajar menghabiskan masa > 10 jam sehari iaitu mencatat angka 34% dari analisis data kajian. Manakala 30% adalah penggunaan yang >12 jam dalam sehari.

### 4.2.3 Analisis Dapatan Kajian Bahagian D: Kebolehcapaian Maklumat



**Rajah 4.8:** Kebolehcapaian Maklumat

Rajah 4.8 adalah analisis data berkaitan Kebolehcapaian Maklumat dalam penggunaan *Mobile Learning* semasa proses P&P dilaksanakan. Antara item yang dinilai ialah bahan P&P dapat diakses dengan mudah, talian internet sangat penting, P&P boleh dilaksanakan pada bila-bila masa dan *Mobile Learning* mudah untuk dilaksanakan di bilik kuliah. Analisis data kajian menunjukkan sebilangan besar responden setuju dan sangat setuju untuk setiap item yang dikaji. Ini menunjukkan responden bersedia menerima *Mobile Learning* sebagai satu kaedah pembelajaran mereka di bilik kuliah.

## 5.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN

Daripada analisis yang telah dibuat menunjukkan bahawa majoriti besar responden menunjukkan perspektif positif bahawa pengajaran dan pembelajaran secara *Mobile Learning* dapat memberi impak yang besar dalam pembelajaran berpusatkan pelajar. Jelaslah bahawa penggunaan teknologi dalam pembelajaran membuka banyak peluang baru untuk diterokai oleh pelajar dalam meningkatkan potensi pembelajaran mereka. Potensi pembelajaran pelajar akan berkembang dengan aktif apabila mereka menjalani proses pembelajaran berpusatkan pelajar (Sidek & Hashim, 2016). Cadangan untuk penambahbaikan kepada gaya pembelajaran pelajar, pembelajaran *Mobile Learning* amat bersesuaian dipraktikkan di IPT. Guru tidak perlu lagi menghabiskan masa untuk menyediakan nota atau bahan P&P secara *hardcopy* untuk dibawa bersama setiap kali ke kuliah. Sebagai kesimpulan, pembelajaran melalui peranti mudah alih bukan sahaja dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran tetapi juga meningkatkan peluang untuk pelajar jauh mengejar aktiviti pembelajaran dengan lebih cekap. Di samping itu, kualiti pendidikan di Malaysia juga akan menjadi lebih berdaya saing dan mempunyai kualiti yang tinggi (Norhafiza Jamaluddin, 2014).

## 6.0 RUJUKAN

- Norhafiza Jamaluddin, K. Y. Y. & Z. Z. (2014). *Mobile Learning: an Effective Learning. Mobile Learning: An Effective Learning Approach for Distance Learner*, 3, 2010–2015.
- Robiah Sidin, & Nor Sakinah Mohamad. (2007). ICT dalam pendidikan: Prospek dan cabaran dalam pembaharuan pedagogi. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 32, 139–152. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/197/>
- Sidek, S., & Hashim, M. (2016). Pengajaran Berasaskan Video dalam Pembelajaran Berpusatkan Pelajar: Analisis dan Kajian Kritikal Analysis and Critical Review. *Journal of ICT in Education (JICTIE)*, 3(ISSN 2289-7844 /), 24–33.
- Baharin Abu (2000). TEACHING EFFECTIVENESS AND STAFF PROFESSIONAL DEVELOPMENT PROGRAMMES IN HEI IN MALAYSIA. Published Doctoral Thesis, The University of Birmingham, UK
- Hee, J.M., & Siti Liyana Muhammad Yusuff. (2011). *Hubungan antara tahap motivasi dengan pencapaian akademik pelajar Pendidikan Jarak Jauh Universiti Sains Malaysia (Master's Thesis)*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Yee Mei Heong (2002). *POLA GAYA PEMBELAJARAN DI KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH TEKNIK DI DAERAH NEGERI JOHOR*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan PSM. Tidak diterbitkan.

- Yahya Othman (2003). *MENGAJAR MEMBACA, TEORI & APLIKASI, PANDUAN MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENGAJAR MEMBACA*. Selangor: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Zulkifli Ismail, Sharifah Mazlin Syed Ali dan Mazlan Mohd Yusof (1995). *MENJADI PELAJAR CEMERLANG*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd. 96
- Herrington, J. & Herrington, A. (2006). AUTHENTIC CONDITIONS FOR AUTHENTIC ASSESSMENT: ALIGNING TASK AND ASSESSMENT, IN CRITICAL VISIONS. Proceedings of the 29th HERDSA Annual Conference, Western Australia, Pg. 146-151.
- Mohd. Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Cheng, Y.C. & Townsend, T. (2000). Educational change and development in the Asia-Pacific region: Trends and issues. In: T. Townsend & Y.C. Cheng (Eds). *Educational Change and Development in the Asia-Pacific Region: Challenges for the Future*. The Netherlands: Swets & Zeitlinger.
- Chyun, L.T. (2007). *HUBUNGAN ANTARA PENDEKATAN PENGAJARAN GURU DENGAN PENDEKATAN PEMBELAJARAN PELAJAR MATA PELAJARAN KIMIA TINGKATAN EMPAT*. Master Dissertation, Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia.
- Marshall, J.M. (2002). *Learning with technology: Evidence that technology can, and does, support learning: White paper prepared for Cable in the Classroom*. San Diego State University. Mason,
- Hee, J.M., & Siti Liyana Muhammad Yusuff. (2011). *Hubungan antara tahap motivasi dengan pencapaian akademik pelajar Pendidikan Jarak Jauh Universiti Sains Malaysia (Master's Thesis)*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Johor.